



Jawatankuasa Penyelaras Mukim-Mukim



Gagasan Kerajaan cekap tidak akan berhasil hanya berdasarkan konsep, sistem dan garis-panduan yang dicerna kepimpinan atasan, tanpa kerjasama yang bersungguh-sungguh dan ikhlas pada peringkat bahagian dan akar umbi. Ini bermakna, sebagus mana pun sistem konsep dan garis panduan itu, kalau tidak mendapat kerjasama ketika pelaksanaan, tidak memberi makna dan kesan dalam menjaga kepentingan dan kebijakan rakyat. Pekeliling Am Kerajaan Bil 7 Tahun 1999.

Urusetianya, satu komponen penting dalam menentukan perjalanannya. Ketua Penolong Pegawai Daerah, selaku Setiausaha, bertanggungjawab merancang JPMM. Urusetia boleh membuat Buku Daftar JPMM bagi setiap JPMM atau Buku Inventori Wakil Rakyat.

Soalnya, sejauh manakah pencapaian sebenar JPMM ini?

Apa yang dibimbangkan oleh rakyat ialah indah indah khabar dari rupa. Yang jelas, walaupun mekanisma ini ujud tetapi semakin banyak karenah dan kelemahan yang timbul depan mata. Longkang sumbat dan pecah, jalan-jalan berlubang, susunatur bandar tidak tersusun, kesesakan lalu-lintas merupakan sebahagian dari pelbagai masalah yang timbul. Persoalannya, dimanakah letaknya komitmen Wakil-Wakil kini, jangan sampai pisang berbuah dua kali.

Ambil contoh, Bahagian Pulai di Tampoi Johor. Telah lebih 35 tahun Tok Mat memimpin Pulai dan dibantu oleh wakil-wakil rakyat seperti Loh The Hian Kawasan Tambatan dan Osman Sapian Kawasan Kempas, namun masalah demi masalah tidak juga selesai malah bertambah-tambah lagi masalah yang timbul.

Yang lebih menghairankan masalah yang timbul berhadapan dengan Pejabat Wakil Rakyat itu sendiri seperti longkang tersumbat dan banjir di Jalan Tampoi. Apakah

untuk mengenapkan tempoh kepimpinan sehingga 50 tahun baru masalah itu hendak diselesaikan?

Penulis bukan nak cari siapa silap siapa, tetapi ini adalah hakikat sebenar. Masalah ini terbongkar apabila berlakunya pecah sempadan dan sebahagian besar dari kawasan Kempas/Tambatan itu di serahkan kepada kepimpinan UMNO Bahagian Johor.

Adalah kurang adil untuk melepaskan semua permasalahan itu kepada Dato' Shahrir – Ketua Kepimpinan Johor Bahru yang terpaksa menjaga lebih 90,000 pengundinya yang sememangnya punyai masalah tersendiri. Dengan limpahan masalah yang ditimbulkan oleh bahagian lama ini maka makin bertambahlah masalah yang bakal ditanggungnya.

Soalnya, apa yang Tok Mat dan kepimpinan Pulai buat selama ini?

Dari apa yang diketahui umum, kepimpinan Pulai tidak begitu uuuuumph dengan kepimpinan MB sekarang – kononnya. Tok Mat dikatakan orang lama dan MB kenalah hormat kepimpinan orang lama. Tapi apa yang Tok Mat tak faham tu ialah protokol jawatan MB tu ialah jawatan No: 1 dalam Parti. Untuk menunjukkan keangkuhan Tok Mat, beliau seringkali tidak muncul dalam sebarang majlis yang dianjurkan oleh peringkat Negeri terutama di kawasan BBU. Hanya mewakilkannya kepada Osman Sapian atau Nur Jazlan sahaja. Manalah MB tak melenting.

Hari berganti minggu, minggu berganti bulan dan seterusnya. Masalah timbul masalah samada di peringkat Bahagian mahupun Negeri. Jauh telah jauh ketinggalan berbanding dengan lain2 UMNO Bahagian. Setinggan semakin ramai di Pulai. Pulai dikatakan adalah syurga penduduk setinggan. Setinggan yang nak duduk Pulai perlu menyokong kepimpinan Tok Mat, sudah pasti dapat perlindungan.

Ini sudah tentu akan memeningkan kepala MB untuk merealisasikan Konsep Setinggan Sifar menjelang tahun 2005. Apabila berlaku pertembungan ini yang pasti Tok Mat akan melindungi setinggan Pulai. Tidak hairanlah apabila kemasukan Cawangan-Cawangan Pulai ke Johor Bahru bukan sahaja membawa bersama pengundi baru tetapi pelbagai masalah-masalah lama Pulai seperti kependudukan setinggan di Kampung Aman, Kampung Dewata, Kampung Muafakat dan banyak-banyak lagi

Kalau nak pilih calon-calon pilihanraya di Pulai, kesemua wakil-wakil rakyatnya yang ada termasuk yang berhasrat nak jadi Wakil Rakyat seperti Datuk Nur Jazlan (sekarang Timbalan ketua UMNO Bahagian) tu perlu diketepikan sama sekali. Carilah muka-muka baru kerana dengar desas-desusnya pengundi Pulai tak mahukan dinasti Tok Mat memimpin Pulai. Contoh-contoh yangs ediada kenalah jadikan iktibar.

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.